

e-buletin

BIL . 1/2025

LAWATAN SIRIM

17 Januari 2024



Satu sesi perbincangan dua hala antara Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM) Sabah ke Universiti Malaysia Sabah (UMS). Perbincangan telah dipengerusikan oleh Dr. Borhan bin Abdullah, mantan Pengarah Pusat Pelaburan, Endowmen dan Wakaf UMS manakala rombongan dari SIRIM Sabah diketuai oleh Puan Romella Osmand, Pengarah SIRIM Sabah.

Hadir bersama dalam perbincangan ini ialah Profesor Dr. Nourie @ Loumi Surugau, mantan Pengarah, Pusat Instrumentasi dan Perkhidmatan Sains, UMS, Prof. Madya ChM Ts. Dr. Mohd Sani bin Sarjadi, mantan Timbalan Pengarah PIPS, serta pegawai-pegawai dari PIPS.

Turut bersama dalam perbincangan ini ialah wakil dari UMS Investment Holdings Sdn Bhd, En. Joe Gadam. Antara aktiviti yang dijalankan adalah melawat makmal-makmal di PIPS selepas perbincangan dua hala selesai.

Taklimat kepada Fakulti/Akademi/Pusat/Institut tentang Projek Perolehan Projek RP4 RMK12: Perolehan Peralatan Makmal Usang dan Kelengkapan Makmal di Universiti Malaysia Sabah telah diadakan di Galeri Azman Hashim UMS. Perolehan Projek ini dipertanggungjawabkan kepada Pusat Instrumentasi dan Perkhidmatan Sains, UMS.

Taklimat telah disampaikan oleh Prof. Madya ChM. Ts. Dr. Mohd Sani bin Sarjadi, mantana Timbalan Pengarah (Strategik & Pembangunan) PIPS, staf PIPS dan disertai oleh beberapa wakil dari FAPI.

17 Januari 2024

TAKLIMAT PROJEK PEROLEHAN RP4 RMK12



BENGKEL VALUE MANAGEMENT RP4 RMK12

25 & 26 Januari 2024



Satu pembentangan Bengkel Value Management RP4 RMK12 telah diadakan pada 25 & 26 Januari 2024 melibatkan 7 F/A/P/I bertempat di Galeri Azman Hashim, UMS. Bengkel ini bertujuan untuk menilai dan mengoptimumkan nilai projek bagi memastikan pelaksanaan yang lebih efektif dan berdaya saing selaras dengan objektif pembangunan di bawah RMK12

Antara ahli-ahli panel yang dijemput di dalam bengkel ini adalah Profesor Dr. Baba Musta (FSSA), Professor ChM. Ts. Dr. Coswald Stephen Sipaut @ Mohd Nasri (Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat) & Profesor Dr. Zaleha A. Aziz, (FSSA) dihadiri mantan Pengarah PIPS, Profesor Dr. Nourie Surugau dan staf PIPS. Majlis penutupan bengkel ini telah disempurnakan oleh Profesor Dr. Jumat Sulaiman, Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan UMS.

e-buletin

BIL . 1/2025



LAWATAN PENANDAARASAN EKSA ZON PIPS

16 Februari 2024

PIPS UMS telah menerima kunjungan lawatan dari FSMP Fakulti Sains Makanan & Pemakanan (FSMP) UMS pada 16 Februari 2024. Objektif utama lawatan ini adalah untuk menilai dan mempelajari secara langsung amalan terbaik Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) yang telah diterapkan di bahagian pentadbiran serta pengurusan makmal di Pusat Instrumentasi dan Perkhidmatan Sains.

20 Februari 2024

AUDIT PRA PENSIJILAN EKSA (INTAN)

Pihak PIPS telah menerima kunjungan Juruaudit dari Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) Kampus Sabah, bagi Audit Pra Persijilan EKSA (Ekosistem Kondusif Sektor Awam).

Audit ini dijalankan dengan tujuan untuk memperoleh pensijilan semula EKSA di Universiti Malaysia Sabah (UMS), bagi memastikan amalan terbaik terus diterapkan dalam persekitaran kerja.



PEMERIKSAAN SILANG JKKP OLEH FSSA

28 Februari 2024



Pemeriksaan silang tempat kerja JKKP Bil.1/2024 yang dijalankan di PIPS pada 28 Februari 2024 oleh wakil Fakulti Sains dan Sumber Alam (FSSA) bertujuan untuk memastikan bahawa semua amalan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja mematuhi peraturan dan standard yang ditetapkan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP).

Dengan pemeriksaan ini, diharap dapat meningkatkan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja, seterusnya mengurangkan risiko kemalangan atau penyakit yang boleh berlaku.

e-buletin

BIL . 1/2025

LAWATAN BIOECONOMY CORPORATION

29 Februari 2024

Objektif utama lawatan rombongan dari Bioeconomy Corporation PIPS UMS pada 29 Februari 2024 adalah untuk memperkukuh hubungan antara kedua-dua pihak serta membuka peluang untuk kolaborasi dalam bidang bioekonomi.

Secara keseluruhan, lawatan ini bertujuan untuk mewujudkan sinergi antara pihak universiti dan sektor industri melalui kerjasama penyelidikan dan pembangunan yang lebih strategik, serta memperkukuh ekosistem bioekonomi di Malaysia.



Februari - Mei 2024

LATIHAN PENYELIDIKAN SGS MALAYSIA SDN. BHD.



Mantan Timbalan Pengarah (Strategik dan Pembangunan) PIPS, Prof. Madya ChM Ts. Dr. Mohd Sani bin Sarjadi berpeluang mengikuti latihan penyelidikan di SGS Malaysia Sdn. Bhd. bermula Februari hingga Mei 2024.

SGS Malaysia Sdn. Bhd. adalah sebuah syarikat yang menyediakan pelbagai perkhidmatan ujian, pemeriksaan, dan pensijilan. Mereka menawarkan latihan penyelidikan terutamanya dalam bidang-bidang teknikal dan berkaitan industri. Latihan penyelidikan di SGS Malaysia Sdn. Bhd. biasanya memberi tumpuan kepada beberapa bidang seperti Latihan Keselamatan dan Kualiti, Ujian Makmal, Penyelidikan Alam Sekitar, Penyelidikan dan Pembangunan Produk, dan Penyelidikan dalam Teknologi dan Inovasi.

Latihan ini ditujukan untuk para profesional dalam pelbagai sektor industri, dengan tujuan untuk meningkatkan kecekapan mereka dalam menjalankan penyelidikan yang berkaitan dengan piawaian industri dan memastikan pematuhan terhadap peraturan yang relevan.

TAHUKAH
ANDA?

X-RAY DIFFRACTION (XRD)

Teknik analisis makmal yang menggunakan sinar-X untuk mengenal pasti struktur kristal dan fasa bahan. Setiap bahan mempunyai corak XRD unik seperti cap jari.

BAGAIMANA IA BERFUNGSI?

Sinar-X → Sampel → Corak punca → Padanan data → Jenis bahan dikenal pasti

APA YANG DIANALISIS?

- ✓ Jenis bahan / mineral
- ✓ Fasa kristal
- ✓ Tahap kekristalan
- ✓ Ketulenan bahan
- ✓ Kesan rawatan haba & proses

APLIKASI DI PIPS

- ◆ Penyelidikan bahan & asbestos
- ◆ Analisis alam sekitar
- ◆ Sokongan industri & kawalan kualiti
- ◆ Perkhidmatan analisis makmal

★ KELEBIHAN XRD

- ✓ Tidak merosakkan sampel
- ✓ Tepat & boleh diulang
- ✓ Digunakan secara meluas

Nota:

- XRD sering digabungkan dengan SEM atau FTIR untuk analisis lebih menyeluruh.

RINGKASNYA

- XRD membantu mengenal pasti bahan dengan cepat dan tepat berdasarkan struktur kristalnya.

e-buletin

BIL . 1/2025

PEMERIKSAAN SILANG JKPP PIPS DI FPT

1 Mac 2024



2 staf dari PIPS telah membuat pemeriksaan silang JKPP Bil.2/2024 di Fakulti Perhutanan Tropika (FPT), bertujuan memastikan semua amalan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja mematuhi peraturan dan standard yang telah ditetapkan.

Dengan pemeriksaan ini, diharap dapat meningkatkan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja, seterusnya mengurangkan risiko kemalangan atau penyakit yang boleh berlaku.

PIPS telah menghadiri pembentangan Hala Tuju Penyelidikan UMS 2024 di Dewan Resital, UMS oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Ir. Dr. Rosalam Hj. Sarbatly.

PIPS turut mengadakan pameran pertama pada 2024 sempena pelancaran Online Booking Analysis System (OBAS) hasil kolaborasi dengan Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (JTMK) UMS dalam program tersebut.

Sistem ini memudahkan warga UMS menempah perkhidmatan instrumen secara atas talian dan telah beroperasi sepenuhnya pada 1 April 2024.

PAMERAN PROMOSI PIPS DI DEWAN RESITAL UMS

7 Mac 2024



PELAJAR LATIHAN INDUSTRI DI PIPS, UMS

Mac - Jun 2024



Dua orang pelajar Latihan Industri (LI), En. Chew dan Cik Mira, telah menjalani internship mereka secara teori dan praktikal di Makmal Bersepadu, PIPS pada Mac hingga Jun 2024. Mereka merupakan pelajar tahun akhir bagi program kimia industri, FSSA.

Sepanjang tempoh ini, mereka didedahkan kepada pelbagai teknik analisis saintifik, pengendalian peralatan berteknologi tinggi, serta prosedur standard makmal. Program ini membantu dalam mengasah kemahiran dari segi teori dan praktikal, sekaligus membolehkan mereka mengaplikasikan pengetahuan akademik dalam situasi sebenar.

e-buletin

BIL . 1/2025

PIPS UMS telah menerima lawatan kerja dari Chemsain Konsultant Sdn. Bhd. yang bertujuan untuk memperkukuhkan hubungan kerjasama antara kedua-dua pihak dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D).

Pembentangan dan perbincangan telah diadakan untuk mengenalpasti potensi kolaborasi di antara PIPS UMS dan Chemsain. Dalam sesi ini, pelbagai peluang kerjasama telah dibincangkan, termasuk projek penyelidikan bersama, penggunaan teknologi terkini, dan aplikasi instrumen yang relevan dalam industri.

Pihak Chemsain telah melawat beberapa instrumen canggih dan berkualiti tinggi yang digunakan di PIPS UMS, antaranya instrumen XRD (X-Ray Diffraction) dan XPS (X-Ray Photoelectron Spectroscopy). Lawatan ini memberi pendedahan kepada kemampuan teknologi yang dimiliki oleh PIPS UMS dalam menghasilkan data yang tepat dan boleh dipercayai bagi kajian material, terutamanya dalam bidang kimia dan bahan.

LAWATAN CHEMSAIN CONSULTANT SDN. BHD.

22 April 2024



23 April 2024

KUNJUNGAN PANEL ANUGERAH PENGURUSAN MAKMAL

PIPS UMS telah menerima kunjungan rasmi daripada Panel Anugerah Pengurusan Makmal. Kunjungan ini bertujuan untuk menilai dan memberi pengiktirafan kepada makmal-makmal yang menunjukkan kecemerlangan dalam pengurusan dan operasi.

Kehadiran panel tersebut memberi peluang kepada PIPS UMS untuk menunjukkan komitmennya dalam meningkatkan kualiti penyelidikan dan pengurusan makmal serta memperkukuhkan standard yang tinggi dalam bidang sains dan teknologi.

LAWATAN PERBINCANGAN KERJASAMA CSR SK. MELANGKAP, KOTA BELUD

24 April 2024

Satu lawatan perbincangan mengenai kerjasama dan kolaborasi telah diadakan bersama Sekolah Kebangsaan (SK) Melangkap, Kota Belud. Lawatan ini melibatkan Guru Besar, Pn. Holen Sayaman dan PK HEM, En. Petrus Sualan sebagai wakil pihak sekolah.

PIPS UMS diwakili oleh 4 orang staf yang diketuai oleh mantan Timbalan Pengarah Prof. Madya ChM. Ts. Dr. Mohd Sani bin Sarjadi.

Terima kasih kepada pihak SK Melangkap atas sambutan mesra dan kesudian menerima kunjungan ini. Diharapkan kolaborasi yang terjalin dapat memberi manfaat kepada semua pihak dan memperkasa pendidikan di kawasan tersebut.



e-buletin

BIL . 1/2025



PENANDAARASAN PENGURUSAN KEWANGAN DI JABATAN DIGITAL UMS

8 Mei 2024

Satu kunjungan daripada PIPS UMS ke Jabatan Digital UMS bagi tujuan aktiviti Penandaarasan Pengurusan Kewangan telah diadakan pada 8 Mei 2024.

Aktiviti penandaarasan (benchmarking) ini adalah julung kali diadakan bagi tujuan perkongsian ilmu dalam pengurusan kewangan serta memantapkan kompetensi kakitangan dalam melaksanakan tatakelola kewangan Universiti.

Terima kasih kepada pihak Jabatan Digital UMS atas kesudian melayan kunjungan daripada PIPS.

Pengurusan sisa buangan terjadual merupakan aspek penting dalam memastikan kelestarian alam sekitar dan Universiti Malaysia Sabah (UMS) sendiri komited dalam melaksanakan amalan pengurusan buangan terjadual yang selamat dan mematuhi Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 serta Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005.

Usaha ini mencerminkan komitmen universiti terhadap kelestarian alam sekitar dan tanggungjawab sosial dalam memastikan persekitaran pembelajaran yang bersih, selamat dan lestari.

Antara perkara yang dapat dipelajari dari ceramah ini adalah:

- Mengetahui peraturan berkaitan pengurusan Sisa Buangan Terjadual
- Mengetahui tanggungjawab sebagai pengeluar Sisa Buangan Terjadual
- Mengetahui ciri-ciri penstoran dan pelabelan sisa yang sesuai
- Keperluan pemantauan pergerakan dan pelupusan sisa buangan terjadual.

Ceramah tersebut telah disampaikan oleh Ts. Suffian bin Julmohamad, selaku Penolong Pengarah Kanan Unit Lesen & Buangan Terjadual dari Jabatan Alam Sekitar Sabah.

PEMBENTANGAN LATIHAN PENYELIDIKAN SGS MALAYSIA SDN. BHD.

24 Mei 2024



Sesi pembentangan telah diadakan oleh mantan timbalan pengarah PIPS, (Strategik & Pembangunan) Prof. Madya ChM. TS Dr. Mohd. Sani bin Sarjadi, yang berkongsi pengalaman beliau setelah mengikuti latihan penyelidikan yang dijalankan oleh SGS Malaysia Sdn. Bhd. Pembentangan ini memberikan pemahaman yang mendalam tentang bagaimana latihan penyelidikan dapat membantu dalam meningkatkan kemahiran penyelidik serta menyokong perkembangan inovasi dalam industri.

Latihan yang diterima bukan sahaja memberi manfaat kepada individu dalam meningkatkan kemahiran profesional mereka, tetapi juga memberi impak positif kepada syarikat dan industri secara keseluruhan. Melalui latihan ini, para peserta dapat mengasah kemahiran mereka dalam bidang penyelidikan yang boleh diterjemahkan kepada penyelesaian inovatif dan berkesan dalam menangani cabaran industri.

e-buletin

BIL . 1/2025

SEMAKAN BAJET KEMENTERIAN EKONOMI DI KPT PUTRAJAYA: PROJEK RP5 RMK-12 PIPS DILULUSKAN

15 Mei 2024



Pada 15 Mei 2024, satu sesi Semakan Bajet Kementerian Ekonomi telah diadakan di Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), Putrajaya bagi menilai dan mempertimbangkan permohonan projek pembangunan institusi pengajian tinggi awam di bawah perancangan nasional. Sesi ini merupakan platform penting dalam memastikan keperluan pembangunan infrastruktur dan fasiliti universiti disemak secara terperinci sebelum kelulusan peruntukan diberikan.

Dalam sesi tersebut, Pusat Instrumentasi dan Perkhidmatan Sains (PIPS), Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah membentangkan permohonan projek perolehan penggantian peralatan usang dan kelengkapan makmal universiti di bawah Projek Rolling Plan 5 (RP5), Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12). Permohonan ini melibatkan jumlah keseluruhan sebanyak RM 27,600,000.00 yang bertujuan memperkukuh keupayaan makmal, meningkatkan kualiti perkhidmatan analisis serta menyokong aktiviti pengajaran dan penyelidikan di UMS.

PIPS telah diwakili oleh Prof. Dr. Noumie Surugau selaku mantan Pengarah PIPS, Prof. Madya ChM. Ts. Dr. Mohd Sani Bin Sarjadi selaku mantan Timbalan Pengarah PIPS, serta ChM Noor Azimah Binti Pelah sebagai Pegawai Sains Kanan PIPS. Penglibatan barisan kepimpinan dan pegawai kanan ini mencerminkan komitmen berterusan PIPS dalam memastikan kemudahan makmal universiti sentiasa relevan, selamat dan memenuhi keperluan semasa perkembangan teknologi dan penyelidikan.

Permohonan projek ini turut melibatkan tujuh fakulti di UMS, iaitu FKAL, FKJ, FST, FSMP, FPT, FSSK dan FPKS. Penyertaan pelbagai fakulti ini menunjukkan bahawa keperluan penggantian peralatan dan peningkatan fasiliti makmal adalah bersifat menyeluruh serta memberi impak langsung kepada pelajar, pensyarah dan penyelidik merentasi pelbagai disiplin ilmu.

Hasil daripada pembentangan dan penilaian yang dijalankan, pihak Kementerian Pendidikan Tinggi telah meluluskan sepenuhnya permohonan projek tersebut pada 15 November 2024 dengan jumlah peruntukan sebanyak RM 27,600,000.00. Kelulusan ini merupakan satu pencapaian signifikan kepada Pusat Instrumentasi dan Perkhidmatan Sains (PIPS) serta UMS secara keseluruhannya, sekali gus memperkukuh ekosistem penyelidikan dan perkhidmatan sains universiti selaras dengan aspirasi pembangunan pendidikan tinggi negara.

e-Buletin

BIL . 1/2025

Program Sentuhan Prihatin

CSR SK. MELANGKAP, KOTA BELUD

19 Mei 2024



PIPS UMS telah menganjurkan Program Sentuhan Prihatin pada 19 Mei 2024, sebagai sebahagian daripada aktiviti Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) sempena sambutan ulang tahun ke-30 UMS. Program ini bertempat di SK Melangkap, Kota Belud, dan bertujuan untuk memperkukuhkan hubungan kerjasama antara universiti dengan komuniti setempat, khususnya di kalangan murid-murid dan warga sekolah.

Program ini bukan sahaja memberi impak positif kepada masyarakat setempat, tetapi juga memberikan peluang kepada para peserta untuk bekerja secara berpasukan dalam suasana yang lebih santai dan penuh keprihatinan. Pelbagai aktiviti telah dijalankan sepanjang program ini untuk memberi manfaat kepada pihak sekolah dan murid-murid di SK Melangkap.

Antara aktiviti yang dilaksanakan ialah pemasangan papan tanda prasekolah di SK Melangkap yang bertujuan untuk memperkemas struktur dan identiti sekolah tersebut. Diharapkan, ini dapat memudahkan ibu bapa serta orang ramai untuk mengenal pasti lokasi prasekolah dengan lebih jelas. Selain itu, para peserta juga turut membantu memasang jemuran kain di asrama untuk kegunaan murid-murid sekolah. Ini pastinya akan memudahkan proses pengurusan pakaian sekolah serta pakaian seharian mereka.

Sebagai tambahan, program ini turut mengadakan kuiz dan permainan (games) yang menarik untuk para murid. Aktiviti ini bukan sahaja menyeronokkan, tetapi turut menggalakkan pembelajaran melalui interaksi dan kerja berpasukan. Kuiz dan permainan yang diadakan dapat meningkatkan semangat kerjasama serta mengasah kemahiran kognitif dan sosial di kalangan murid-murid.

Secara keseluruhannya, Program Sentuhan Prihatin ini bukan sahaja berjaya memperkukuhkan hubungan antara UMS dan komuniti setempat, tetapi juga memberikan kesan positif dalam mempertingkatkan kemudahan dan keceriaan di SK Melangkap. Inisiatif ini menunjukkan komitmen universiti dalam menjalankan tanggungjawab sosial mereka serta memberi sumbangan yang bermakna kepada masyarakat. Program seperti ini diharapkan dapat diteruskan pada masa akan datang untuk manfaat yang lebih luas kepada komuniti.

e-buletin

BIL . 1/2025

LAWATAN PENANDA ARAS PENGURUSAN MAKMAL DAN INSTRUMENTASI MAKMAL

6 Jun 2024



Pada 6 Jun 2024 (Khamis), Pusat Instrumentasi dan Perkhidmatan Sains (PIPS), Universiti Malaysia Sabah telah mengadakan lawatan penanda aras berkaitan pengurusan makmal dan instrumentasi makmal ke SGS (M) Sdn. Bhd., Lok Kawi, Putatan. Lawatan ini bertujuan sebagai persediaan ke arah akreditasi makmal PIPS.

Sepanjang lawatan, kakitangan PIPS berpeluang mendengar perkongsian serta bertukar pengalaman bersama pihak SGS, selain meninjau secara langsung perkhidmatan dan kemudahan makmal yang disediakan. Lawatan ini memberi pendedahan yang amat bermanfaat dalam memahami amalan terbaik pengurusan makmal berakreditasi.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih diucapkan kepada SGS (M) Sdn. Bhd. atas kesudian menerima lawatan serta berkongsi ilmu dan pengalaman bersama pihak PIPS.

JERAYAWARA PIPS

26 Jun 2024

2 Julai 2024

4 Julai 2024



Pusat Instrumentasi dan Perkhidmatan Sains (PIPS), Universiti Malaysia Sabah telah menganjurkan Program Jerayawara PIPS yang melibatkan Fakulti Kejuruteraan (FKJ) pada 26 Jun 2024 dan Institut Penyelidikan Marin Borneo (IPMB) pada 2 Julai 2024 dan Fakulti Sains Makanan dan Pemakanan (FSMP) pada 4 Julai 2024.

Program jerayawara ini bertujuan untuk berkongsi maklumat berkaitan perkhidmatan instrumentasi, fasiliti peralatan makmal, serta perkhidmatan analisis yang disediakan oleh PIPS untuk kegunaan semua warga UMS. Melalui sesi ini, warga fakulti dan institut berpeluang mendapatkan penerangan secara langsung mengenai kemudahan yang tersedia serta potensi kolaborasi penyelidikan dan analisis makmal.

Penganjuran jerayawara ini diharapkan dapat meningkatkan kesedaran dan pemanfaatan sepenuhnya perkhidmatan PIPS dalam menyokong aktiviti pengajaran, penyelidikan dan perkhidmatan di Universiti Malaysia Sabah.

13 Jun 2024

LAWATAN ROMBONGAN SGS KE PIPS

Pada 13 Jun 2024 (Khamis), Pusat Instrumentasi dan Perkhidmatan Sains (PIPS), Universiti Malaysia Sabah telah menerima lawatan daripada rombongan SGS (M) Sdn. Bhd.. Lawatan ini bertujuan untuk melihat serta meninjau instrumen-instrumen canggih dan kemudahan makmal yang terdapat di PIPS UMS.

Lawatan tersebut turut membuka ruang perkongsian maklumat serta perbincangan awal ke arah potensi kerjasama dalam bidang instrumentasi dan perkhidmatan analisis makmal.



e-buletin

BIL . 1/2025

KUTIPAN DAN RAWATAN SISA KIMIA DARI PREMIS UMS

24 Jun 2024



Pada tahun 2024, sebanyak 7.3 Metrik Tan sisa buangan terjadual pelbagai kod dihasilkan oleh UMS. Sisa buangan ini terdiri daripada sisa buangan kimia yang terhasil dari proses penyelidikan dan pembelajaran daripada 12 buah Fakulti/ Institut/ Pusat dalam UMS termasuk Kampus Sandakan.

Sisa ini diangkut keluar oleh kontraktor berlesen yang dilantik untuk proses pelupusan dan rawatan seterusnya. UMS akan sentiasa komited dalam menyediakan persekitaran dan fasiliti selamat untuk warga UMS dan akan sentiasa menambahkan pengurusan sisa dari masa ke semasa.

4 Julai 2024

KUTIPAN DAN RAWATAN SISA KLINIKAL DARI PREMIS UMS



Tahukah anda, bagaimanakah sisa klinikal (SW404) yang dihasilkan oleh Fakulti / Hospital UMS dilupuskan?

Setiap sisa yang dikeluarkan dari premis UMS perlulah dikendalikan dengan betul. Sebuah seksyen di Pusat Instrumentasi dan Perkhidmatan Sains diwujudkan untuk mentadbir urus kesemua sisa yang dihasilkan oleh setiap fakulti dan kutipan ini dilaksanakan secara berkala pada setiap tahun.

Pada tahun 2024, sebanyak 0.57 Metrik Tan sisa klinikal (SW404) yang dihasilkan dikutip keluar dari premis oleh kontraktor berlesen yang dilantik untuk tujuan rawatan dan pelupusan.

e-buletin

BIL . 1/2025

Pada 5 Julai 2024 (Jumaat), Pusat Instrumentasi dan Perkhidmatan Sains (PIPS) merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada dua orang pelajar Latihan Industri, En. Chew dan Cik. Mira, yang telah berjaya menamatkan program internship mereka di Makmal Bersepadu PIPS.

Sepanjang tempoh latihan dari Mac hingga Jun 2024, kedua-dua pelajar telah menjalani latihan secara teori dan praktikal, sekali gus memperoleh pendedahan serta pengalaman berharga dalam persekitaran makmal profesional.

Diharapkan segala ilmu dan kemahiran yang diperoleh sepanjang latihan industri ini dapat dimanfaatkan pada peringkat seterusnya serta menjadi bekalan berguna dalam apa jua bidang yang bakal diceburi.

Semoga terus maju jaya, Chew dan Mira! 🎓👏

5 Julai 2024

LAPORAN AKHIR INTERSHIP PELAJAR INDUSTRI PIPS



Pusat Instrumentasi dan Perkhidmatan Sains (PIPS), Universiti Malaysia Sabah telah menganjurkan Program Jerayawara PIPS yang melibatkan Institut Biologi Tropika Pemuliharaan (IBTP) pada 11 Julai 2024 dan Fakulti Perubatan dan Sains Perubatan pada 30 Julai 2024.

Program jerayawara ini bertujuan untuk berkongsi maklumat berkaitan perkhidmatan instrumentasi, fasiliti peralatan makmal, serta perkhidmatan analisis yang disediakan oleh PIPS untuk kegunaan semua warga UMS. Melalui sesi ini, warga fakulti dan institut berpeluang mendapatkan penerangan secara langsung mengenai kemudahan yang tersedia serta potensi kolaborasi penyelidikan dan analisis makmal.

Penganjuran jerayawara ini diharapkan dapat meningkatkan kesedaran dan pemanfaatan sepenuhnya perkhidmatan PIPS dalam menyokong aktiviti pengajaran, penyelidikan dan perkhidmatan di Universiti Malaysia Sabah.

JERAYAWARA PIPS

11 Julai 2024
30 Julai 2024

LAWATAN RASMI KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI) & NANOMALAYSIA BERHAD

26 Julai 2024



Pada 26 Julai 2024, Universiti Malaysia Sabah telah menerima lawatan rasmi daripada Timbalan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) serta NanoMalaysia Berhad. Salah satu pusat yang dilawati oleh rombongan ialah Pusat Instrumentasi dan Perkhidmatan Sains (PIPS), UMS.

Lawatan rasmi ini bertujuan untuk membincangkan dan menjalinkan usahasama projek berkonsepkan fitoperlombongan bertajuk "Development of Phytomining for Nickel and Cobalt from Active Materials of Spent Lithium-Ion Batteries using Local Metal Hyperaccumulator Plant Species".

Projek ini melibatkan penggunaan tumbuhan asli tempatan, iaitu *Phyllanthus rufuschaneyi* dan *Rinorea bengalensis*, yang akan dijalankan di fasiliti rumah hijau di tapak Kg. Monggis, Ranau.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada tetamu kehormat dari MOSTI dan NanoMalaysia Berhad atas kesudian mengadakan lawatan rasmi ke PIPS UMS serta sokongan terhadap pembangunan penyelidikan berimpak tinggi di universiti ini.

e-buletin

BIL . 1/2025



EXCOCIPTA

31 Julai - 2 Ogos 2024

Dewan Kuliah Pusat
(DKP) Baru, UMS

Pusat Instrumentasi dan Perkhidmatan Sains (PIPS), Universiti Malaysia Sabah telah menyertai booth pameran semasa Program ExcoCipta yang berlangsung pada 31 Julai hingga 2 Ogos 2024. Penyertaan ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada masyarakat mengenai perkhidmatan dan fasiliti instrumentasi makmal yang disediakan oleh PIPS. Sepanjang pameran, staf UMS, orang awam, pelancong serta pelajar sekolah rendah dan menengah berpeluang berinteraksi secara langsung bersama staf PIPS serta mencuba sendiri peralatan makmal, antaranya penggunaan mikroskop. Aktiviti ini berjaya menarik minat pengunjung dari pelbagai peringkat usia terhadap sains dan teknologi. Setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih diucapkan kepada pihak penganjur Program ExcoCipta serta Institut Biologi Tropika dan Pemuliharaan atas kerjasama, khususnya dalam peminjaman spesimen serangga. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada semua staf PIPS yang terlibat di bahagian pameran dan AJK Jamuan atas komitmen serta kerjasama yang telah menjayakan program ini.

LAWATAN PUSAT PENYELIDIKAN BIOKIMIA ANALISIS, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA (USM)

12 Ogos 2024



Pusat Instrumentasi dan Perkhidmatan Sains (PIPS), Universiti Malaysia Sabah telah menerima lawatan daripada Pusat Penyelidikan Biokimia Analisis, Universiti Sains Malaysia (USM). Lawatan ini bertujuan untuk memperkenalkan peranan dan fungsi PIPS sebagai pusat perkhidmatan instrumentasi serta memperkukuh jaringan kerjasama antara institusi.

Sepanjang lawatan, delegasi USM berpeluang mengenali PIPS dengan lebih dekat, selain melawat dan meninjau instrumen-instrumen analisis yang terdapat di PIPS. Sesi perbincangan turut diadakan bagi meneroka potensi kolaborasi dalam bidang penyelidikan, analisis makmal dan perkongsian kepakaran antara kedua-dua institusi.

Lawatan ini diharapkan dapat membuka ruang kerjasama strategik yang memberi manfaat bersama dalam menyokong kecemerlangan penyelidikan dan pembangunan sains.

LAWATAN PENANDAARASAN PIPS KE INSTITUT BIOLOGI TROPIKA DAN PEMULIHARAAN

14 Ogos 2024

Pada 14 Ogos 2024 (Rabu), Pusat Instrumentasi dan Perkhidmatan Sains (PIPS) telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Institut Biologi Tropika dan Pemuliharaan (IBTP) bagi tujuan penandaarasan sistem pengurusan dan operasi makmal. Lawatan ini memberi peluang kepada warga PIPS untuk memperoleh pendedahan, pembelajaran serta perkongsian amalan terbaik berkaitan pengurusan makmal. Perbincangan dan interaksi sepanjang lawatan telah memberikan input yang bernilai dalam usaha penambahbaikan berterusan pengurusan dan operasi makmal PIPS. Ribuan terima kasih diucapkan kepada pihak IBTP atas kesudian menerima kunjungan PIPS serta berkongsi ilmu dan pengalaman sepanjang lawatan ini dijalankan.



e-buletin

BIL . 1/2025

19 - 21 Ogos 2024
22 Ogos 2024

1) LATIHAN SMARTLAB XRD
2) TRAINING ON BASIC PIPETTING
TECHNIQUES AND CALIBRATION



Pusat Instrumentasi dan Perkhidmatan Sains (PIPS), Universiti Malaysia Sabah telah menganjurkan dua latihan berasingan bagi memperkukuh kemahiran teknikal kakitangan sains UMS.

Latihan pertama ialah SmartLab XRD Training yang diadakan pada 19 hingga 21 Ogos 2024, dengan penglibatan tenaga pengajar daripada RGS Corporation Sdn. Bhd.. Seterusnya, pada 22 Ogos 2024, PIPS telah menganjurkan Training on Basic Pipetting Techniques and Calibration dengan kerjasama Sartorius Pipetting Academy.

Penganjuran latihan intensif ini bertujuan untuk meningkatkan kompetensi dan kefahaman teknikal para kakitangan sains, khususnya dalam pengendalian instrumen analisis serta amalan makmal yang tepat dan berpiawaian. Inisiatif ini selari dengan usaha berterusan PIPS dalam memperkasa kepakaran dan profesionalisme warga makmal UMS.

LAWATAN RASMI YBTM
MOSTI KE PIPS UMS

26 September 2024



Pada 26 September 2024 (Khamis), Pusat Instrumentasi dan Perkhidmatan Sains (PIPS), Universiti Malaysia Sabah telah menerima kunjungan rasmi YB Timbalan Menteri MOSTI, Datuk Haji Mohammad Yusof bin Apdal. Lawatan ini turut diiringi oleh Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Kasim Hj. Mansor, En. Izham Bin Abu Bakar (Menjalankan Fungsi/Pengarah PIPS), Pengarah PPIP, Prof. Dr. Jidon Janaun, serta wakil ahli dari JPU.

Rombongan diberi peluang untuk meninjau beberapa instrumen berspesifikasi tinggi yang terdapat di PIPS, sekaligus memahami peranan PIPS dalam menyokong penyelidikan dan analisis saintifik di UMS.

Pihak PIPS merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas kesudian YBTM MOSTI membuat lawatan hormat ke pusat ini.

e-buletin

BIL . 1/2025

9 - 10 Oktober 2024

LATIHAN IN-HOUSE SPILL & EMERGENCY RESPONSE PLAN PIPS UMS



Pada 9 hingga 10 Oktober 2024, Pusat Instrumentasi dan Perkhidmatan Sains (PIPS), Universiti Malaysia Sabah telah menganjurkan latihan berpusat PIPS bertajuk In-House Spill, Emergency Response Plan for Hazardous Materials Incidents bersama Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (Team HAZMAT) Kota Kinabalu, Sabah.

Latihan ini melibatkan kakitangan PIPS serta wakil daripada beberapa fakulti dan institut di UMS, termasuk FSMP, FSSA, IPMB, IBTP, IPB, FPSK, FKJ, FPT dan PPST. Peserta berpeluang memperolehi pengetahuan teori dan kemahiran praktikal dalam menangani insiden bahan berbahaya, meningkatkan kesiapsiagaan serta keselamatan di persekitaran makmal.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih diucapkan kepada:

- Jaya Consultancy
- Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (Team HAZMAT)

atas sokongan, perkongsian ilmu, dan bimbingan sepanjang latihan ini, yang sangat bermanfaat kepada kakitangan UMS.

e-buletin

BIL . 1/2025

LATIHAN LANJUTAN (FESEM) KE KILANG JEOL, OHTEMACHI CHIYODA-KU, JEPUN

21-25 Oktober 2024



Kakitangan PIPS, dari kiri: En. Timani Kumin, Prof. Madya ChM. Ts. Dr. Mohd. Sani bin Sarjadi, Cik. Noor Azimah binti Pelah, Pn. Malah Karim, ChM. Liew Chun Fong@Vivien



KOTA KINABALU: Pusat Instrumentasi dan Perkhidmatan Sains (PIPS) Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah menghantar lima orang kakitangan untuk menghadiri latihan lanjutan di Kilang Jeol, Ohtemachi Chiyoda-ku Jepun, baru-baru ini. Latihan selama lima hari bermula 21 hingga 25 Oktober 2024 bertujuan mempelajari teori serta pengendalian alat Jeol Field Emission Scanning Electro Microscopy (Fesem) Model JSM-7900F.

Kakitangan yang terlibat dalam latihan ini termasuk Timbalan Pengarah PIPS, UMS Prof. Madya Ts. ChM. Dr. Mohd Sani Sarjadi serta beberapa staf lain yang memiliki latar belakang dalam bidang sains dan teknologi. Fesem merupakan alat canggih yang digunakan untuk memperlihatkan butiran topografi yang sangat kecil pada permukaan objek, memberikan resolusi yang boleh mencapai skala nanometer.

Menurut Mohd Sani, dalam konteks penyelidikan, alat tersebut amat penting dalam bidang kimia, fizik dan biologi yang mana para penyelidik dapat memerhatikan struktur yang sehingga sekecil 1 nanometer. "Melalui kursus tersebut, para peserta diperkenalkan kepada teknik dan aplikasi Fesem yang lebih mendalam, termasuk cara menganalisis morfologi permukaan sampel dan melakukan analisis kehadiran unsur kimia menggunakan kaedah pengesanan EDX. "Latihan ini juga merangkumi sesi praktikal yang mana peserta berpeluang untuk menggunakan alat Fesem secara langsung, sehingga mereka dapat memahami dengan lebih baik operasi dan potensi alat tersebut.

"Dengan mengikuti kursus ini, para peserta diharapkan dapat membawa pulang pengetahuan yang dapat meningkatkan kecekapan penggunaan Fesem di PIPS, UMS. Ini sekali gus memaksimumkan potensi alat tersebut dalam melaksanakan penyelidikan dan analisis di institusi mereka," katanya. Latihan telah dikendalikan oleh Pengurus Jabatan Promosi Penyelesaian di Jeol, Akane Tameike. Tambah Mohd Sani, melalui kursus tersebut juga peserta mampu memberikan khidmat kepakaran sebagai pakar rujuk kepada penyelidik di UMS serta pihak industri, sekali gus mengurangkan kebergantungan kepada penyedia perkhidmatan luar untuk analisis sampel menggunakan Fesem.

Peningkatan kualiti penyelidikan di UMS juga dijangka melalui aplikasi teknologi Fesem yang lebih efisien yang akan menyumbang kepada perkembangan ilmu pengetahuan dan teknologi di Malaysia. Selain itu, latihan ini juga berpotensi meningkatkan profil PIPS UMS sebagai pusat rujukan utama untuk analisis Fesem di negara ini. "Latihan ini adalah langkah penting dalam usaha PIPS UMS untuk terus mengembangkan kapasiti dan kemampuan kakitangannya dalam bidang mikroskopik elektron.

"Dengan adanya ilmu dan pengalaman yang diperoleh dari latihan ini, PIPS diharapkan dapat memberikan impak positif bukan sahaja kepada penyelidik di UMS tetapi juga kepada industri dan masyarakat umum," katanya. - Harian Ekspres (KK), Malaysia.

e-buletin

BIL . 1/2025

13 - 17 November 2024

PIPS UMS SERTAI PESTA BUKU BORNEO 2024



Pusat Instrumentasi dan Perkhidmatan Sains (PIPS), Universiti Malaysia Sabah telah mengambil bahagian di tapak pameran sempena Pesta Buku Borneo yang berlangsung dari 13 hingga 17 November 2024.

Penyertaan PIPS memberi peluang kepada pengunjung untuk mengenali lebih dekat perkhidmatan instrumentasi dan fasiliti makmal yang disediakan oleh PIPS.

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada pihak penganjur Pesta Buku Borneo atas jemputan ini, serta kepada staf PIPS yang komited dan berdedikasi dalam melaksanakan tugas sebagai pempamer, menjayakan penyertaan PIPS sepanjang pesta.

MESYUARAT JAWATANKUASA PENGURUSAN INSTRUMEN DAN PERKHIDMATAN SAINS BIL. 1/2024

18 November 2024



Pada 18 November 2024 (Isnin), Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Instrumen dan Perkhidmatan Sains Bil. 1/2024 (Kali ke-1) telah diadakan di Bilik Mesyuarat Lembaga Eksekutif, Bangunan Canselor, Universiti Malaysia Sabah.

Mesyuarat dimulakan dengan ucapan aluan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Prof. Ir. Dr. Rosalam Hj. Sarbatly. Turut hadir adalah wakil-wakil dari pelbagai Fakulti, Akademi, Pusat dan Institusi (FAPI) UMS untuk mendengar pembentangan serta maklumat daripada PIPS mengenai pengurusan instrumen dan perkhidmatan sains di universiti.

Mesyuarat ini menjadi platform penting untuk perkongsian maklumat, perancangan dan penambahbaikan pengurusan instrumen di peringkat universiti.



e-buletin



Penasihat Advisors

Profesor Dr. Jedol Dayou

Pengarah
Pusat Instrumentasi dan Perkhidmatan Sains, UMS

Pengarang Editors

En. Nelson Raymond

ChM. Noor Azimah binti Pelah

Dr. Nazrein Adrian bin Amaludin

Prof. Madya ChM. Ts. Dr. Mohd Sani bin Sarjadi

Pembantu Pengarang Assistant Editors

Pn. Nur Hidayah Thaddeus Abdullah

En. Nelson Adeh @ Nicholas Justin Adeh

ChM. Liew Chun Fong@Vivien

Pn. Malah Karim

Cik. Debbie Jean binti Pilau